


Perkembangan  
**Pendidikan**  
**Bahasa**  
**Jepun**  
di Malaysia



Penyunting

Roswati Abdul Rashid

Normalis Amzah

Zoraida Mustafa

Perkembangan  
**Pendidikan**  
**Bahasa**  
**Jepun**  
di Malaysia

Penyunting  
Roswati Abdul Rashid  
Normalis Amzah  
Zoraida Mustafa



Penerbit UMT  
Universiti Malaysia Terengganu  
21030 Kuala Nerus  
Terengganu  
2022

*Perkembangan Pendidikan Bahasa Jepun di Malaysia*

Hak Cipta Terpelihara © 2022. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

*© 2022 All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system without permission in writing from the Director, Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.*

Diterbitkan oleh/Published in Malaysia  
Penerbit UMT  
Universiti Malaysia Terengganu  
21030 Kuala Nerus  
Terengganu, Malaysia  
<https://penerbit.umt.edu.my>  
E-mel: penerbitumt@umt.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perkembangan Pendidikan Bahasa Jepun di Malaysia / Penyunting Roswati Abdul Rashid, Normalis Amzah, Zoraida Mustafa.  
ISBN 978-967-2793-67-0 (hardback)  
1. Japanese language--Research--Malaysia.  
2. Japanese language--Study and teaching--Malaysia.  
3. Government publications--Malaysia.  
I. Roswati Abdul Rashid, 1970-. II. Normalis Amzah, 1971-.  
III. Zoraida Mustafa, 1978-.  
495.68072

*Set in Optima*

Reka bentuk: Penerbit UMT  
Reka letak Penerbit UMT

Dicetak oleh:  
Legasi Q Enterprise  
Lot 2798-I Kampung Kedai Manir  
Jalan Pasir Manir  
21200 Kuala Terengganu  
Terengganu

## KANDUNGAN

Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	xi
Kata Pengantar	xiii
Kata Pengantar	xv
Prakata	xix
<b>1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
<i>Normalis Amzah</i>	
<b>SEJARAH, ISU DAN CABARAN PENDIDIKAN BAHASA JEPUN</b>	<b>5</b>
<b>2 Pengajian Jepun di Malaysia</b>	
<i>Md Nasrudin Md Akhir, Rohayati Paidi, Normalis Amzah, Roslina Mamat, Sivamurugan Pandian, Kelana Ahmad, Roswati Abdul Rashid, Normah Ahmad, Rokiah Paee &amp; Tg. Iffah Tuan Yazid</i>	7
<b>3 Sejarah Kumpulan Guru Bahasa Jepun Lepasan Maktab</b>	
<i>Mohd Hassan Awang Boon &amp; Nur Anisah Tan Abdullah</i>	53
<b>4 Pendidikan Bahasa Jepun di Sekolah Menengah - Sejarah, Isu dan Cabaran</b>	
<i>Dayang Nor Ashikin Harun</i>	75
<b>5 Pendidikan Bahasa Jepun di Institusi Pengajian Tinggi</b>	
<i>Zoraida Mustafa</i>	91
<b>6 Perkembangan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Jepun di MJIIT: Sempena Sepuluh Tahun Penubuhan MJIIT (2011 – 2021)</b>	
<i>Hasparina Abdul Ghaffar</i>	101
<b>7 Rangkaian Global Pendidikan Bahasa Jepun Asia Tenggara</b>	
<i>Zaid Mohd Zin</i>	113

<b>PENYELIDIKAN BAHASA JEPUN</b>	<b>127</b>
<b>8 Penyelidikan dan Pembangunan Profesionalisme Pendidik Bahasa Jepun</b> <i>Ang Chooi Kean</i>	129
<b>9 Motivasi Belajar Bahasa Jepun dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam</b> <i>Rohayati Paidi, Asmadi Hassan, Tg. Iffah Tuan Yazid, Roslina Mamat, Kelana Ahmad &amp; Ramli Dollah</i>	141
<b>10 Kecenderungan Pelajar di IPTA Terhadap Anime</b> <i>Normalis Amzah, Intan Safinaz Zainudin &amp; Aznur Aisyah Abdullah</i>	163
<b>11 Elemen Budaya Kontemporari Jepun dalam Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Jepun</b> <i>Roslina Mamat</i>	185
<b>12 Pengaplikasian Pembelajaran dalam Kalangan Alumni Pengajian Jepun, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya</b> <i>Asmadi Hassan &amp; Mohd Ikbal Mohd Huda</i>	207
<b>13 Penilaian Sistem Sokongan bagi Guru Bahasa Jepun di Malaysia</b> <i>Azalia Zaharuddin</i>	223
<b>PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA JEPUN</b>	<b>233</b>
<b>14 Penawaran Kursus Bahasa Jepun dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)</b> <i>Rosmahalil Azrol Abdullah</i>	235
<b>15 Penularan Wabak COVID-19: Satu Tinjauan Awal Terhadap Aktiviti PdP Sistem Penulisan Bahasa Jepun Dalam Talian</b> <i>Roswati Abdul Rashid, Zanjabila Nudin &amp; Ahmad Shamil Kamaruzaman</i>	247

<b>16 Pengukuhan Kemahiran Mendengar Bahasa Jepun dalam Pembelajaran Maya</b>	
<i>Rokiah Paee</i>	265
<b>17 Penggunaan Silibus <i>Marugoto</i> di Sekolah Menengah</b>	
<i>Aznur Aisyah Abdullah</i>	279
Indeks	305
Biodata Penulis	311

## BAB 2

### PENGAJIAN JEPUN DI MALAYSIA

*Md Nasrudin Md Akhir, Rohayati Paidi, Normalis Amzah, Roslina Mamat,  
Sivamurugan Pandian, Kelana Ahmad, Roswati Abdul Rashid, Normah Ahmad,  
Rokiah Pae & Tg. Iffah Tuan Yazid*

#### PENGENALAN

Pengajian Jepun<sup>1</sup> (*Japan Studies/Japanese Studies*) merupakan cabang ilmu di bawah pengajian serantau/wilayah (area studies) yang memfokuskan kepada aspek antara disiplin (interdisciplinary) yang menggabungkan pelbagai tradisi intelektual dalam bidang kemanusiaan dan sains sosial. *Japan Studies* dan *Japanese Studies* dalam bahasa Inggeris mempunyai takrifan dan kandungan yang berbeza walaupun dalam bahasa Melayu, kedua-duanya hanya mempunyai satu terjemahan iaitu Pengajian Jepun. Pengajian Jepun seperti mana juga Pengajian China ataupun Pengajian Korea, telah mengembangkan kaedah dan teori baharu untuk memahami saling hubungan antara bahasa, budaya, ekonomi, politik, hubungan antarabangsa malahan perkembangan sains dan teknologi negara berkenaan. Walau bagaimanapun, Pengajian Jepun secara umum lebih memfokuskan kepada aspek bahasa dan sosiolinguistik. Sehingga kini Pengajian Jepun bukan sahaja ditawarkan hampir di kebanyakan institusi pengajian tinggi di Asia Tenggara, malahan di seluruh rantau di dunia. Meningkatnya pengaruh globalisasi Jepun sebagai salah sebuah aktor dominan ekonomi – diplomasi hubungan antarabangsa sejak penghujung tahun 1950-an, membantu Pengajian Jepun berkembang sebagai cabang pengajian serantau dengan lebih meluas. Dalam pengajian serantau, penguasaan bahasa dan budaya amat diperlukan sebelum menguasai bidang-bidang utama kajian sesebuah negara yang lebih kompleks seperti politik, hubungan antarabangsa, ekonomi, teknologi dan sosiobudaya. Bab ini menghuraikan perkembangan Pengajian Jepun di 11 buah universiti awam serta pusat penyelidikan di Malaysia di samping menganalisis kedudukan Pengajian Jepun kontemporari selepas munculnya aktor-aktor baharu dalam pengajian serantau yang semakin mendapat populariti di institusi-institusi pengajian tinggi awam di Malaysia.

<sup>1</sup> “Ex-Post Evaluation of Japanese ODA Loan Project “Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Development Project”, Ex-Post Project Evaluation 2011: Package I-2 (Malaysia, Thailand), Tokyo: JICA, August 2012, p. 2.

## LATAR BELAKANG PENGAJIAN JEPUN DI MALAYSIA

Walaupun bahasa Jepun tidak pernah menjadi medium pertuturan utama di Malaysia, namun pengajaran bahasa Jepun pernah dimasukkan ke dalam sistem pendidikan ketika era penjajahan Jepun di Tanah Melayu dari tahun 1941 sehingga 1945.<sup>2</sup> Guru-guru bahasa Jepun dalam kalangan penutur asli dibawa mengajar ke sekolah-sekolah di Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura di samping mendapat bantuan guru-guru tempatan yang terlebih dahulu diberi latihan atas kemahiran bahasa Jepun (Jokyu Shihan Gakko, 1944). Misalnya, seramai 40 orang guru dan guru besar dari Tanah Melayu dan Singapura diambil mengikuti pengajian lanjutan di Jokyu Shihan Gakko (Sekolah Latihan Tinggi) dengan objektif untuk memberi pendedahan kepada nazir, pengetua serta guru-guru sekolah terhadap aspek pendidikan dan semangat Jepun (Jokyu Shihan Gakko, 1943). Di samping memperkenalkan mata pelajaran bahasa Jepun di sekolah dan institusi latihan di Tanah Melayu, pentadbiran Jepun turut menawarkan peluang kepada pelajar-pelajar Melayu mengikuti pengajian tinggi di Jepun. Seperti juga British yang menawarkan Queen's Scholarship, kerajaan Jepun turut menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar Tanah Melayu. Misalnya tokoh ekonomi tersohor pengajian tinggi negara, Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid dianugerahkan biasiswa Tokugawa yang berprestij untuk mengikuti pengajian di Universiti Waseda, Jepun pada Januari 1943,<sup>3</sup> manakala Datuk Abdul Razak Abdul Hamid<sup>4</sup> yang merupakan tokoh bahasa Jepun menerima biasiswa pada tahun 1944 di bawah program Nampo Tokubetsu Ryugakusei (南方特別留学生) atau pelajar asing seberang laut khusus dari wilayah Selatan.

Walau bagaimanapun, akibat dikalahkan dalam Perang Dunia Kedua, pengaruh Jepun terhenti selepas kembalinya British ke Tanah Melayu pada Ogos 1945. Namun, hubungan Kuala Lumpur – Tokyo kembali bertaut apabila Jepun menjadi salah sebuah daripada 14 buah negara awal yang memeterai hubungan diplomatik dengan Malaysia pada 31 Ogos 1957 (Md. Nasrudin Md. Akhir & Rohayati Paidi, 2009). Walaupun lawatan Tunku ke Jepun pada tahun 1958 membuka ruang

<sup>2</sup> Walau bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa pendedahan awal masyarakat Melayu terhadap orang Jepun telah bertapak lama di Malaysia sekitanya hubungan diplomatik kerajaan Melayu Melaka dijadikan atas hubungan kedua-dua negara yang bermula pada tahun 1463. Md Nasrudin Md Akhir dan Lee Chee Leong, "Sejarah Hubungan Ryukyu – Melaka Berdasarkan Sumber Jepun," dalam Mohd Samsudin et al. Kegemilangan Maritim Kesultanan Melayu Melaka, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017, pp. 103 – 119.

<sup>3</sup> Bright Days Have Dawned for Malais- Ungku Abdul Aziz, 9 Januari 1943.

<sup>4</sup> Beliau merupakan salah seorang *hibakusha* (mangsa bom atom yang terselamat) Hiroshima dari Malaysia.


ke arah perjanjian ekonomi yang dimeterai pada tahun 1960 dan diikuti dengan perjanjian pengangkutan udara dan perjanjian dua hala lain, namun kerjasama dalam bidang pendidikan masih berada pada peringkat awal ketika itu. Hubungan Malaysia – Britain yang lebih kukuh dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, serta latar belakang pengajian Tunku Abdul Rahman di London sedikit sebanyak telah mempengaruhi pengubalan dasar pendidikan negara yang beracuanan barat dan lebih mendekatkan diri dengan negara penutur bahasa Inggeris. Sebagai satu-satunya universiti yang wujud di Malaysia ketika itu, Universiti Malaya (UM) yang ditubuhkan pada tahun 1949 menjadi aktor pendidikan tinggi utama negara.

Namun, apabila Jepun mula mempamerkan pemulihan ekonomi yang menakjubkan selepas Perang Dunia Kedua sehingga menempa keajaiban ekonomi di peringkat global bermula pada penghujung tahun 1950-an, pencapaian tersebut membuka ruang ke arah kerjasama yang lebih strategik dengan Malaysia. Kerjasama Kuala Lumpur – Tokyo yang semakin meluas dalam pelbagai bidang yang membuka ruang dan kecenderungan untuk pengajian Jepun mula bertapak pada pertengahan tahun 1960-an. Justeru, pada tahun 1966, Fakulti Sastera dan Sains Sosial di UM mula memperkenalkan kursus bahasa Jepun buat kali pertama (Leong, 1994). Walau bagaimanapun, kajian mengenai Jepun di Malaysia masih kurang berkembang sekitar tahun 1950-an dan awal tahun 1960-an sebahagiannya dipengaruhi oleh kesan perang yang masih segar dalam minda sebilangan rakyat Malaysia. Menurut Lee (2011), penyelidikan dan penerbitan mengenai Jepun hanya akan mengembalikan kenangan pahit sejarah penjajahan yang tidak menyenangkan. Walau bagaimanapun, yang lebih penting ialah Jepun terlalu sibuk membangun semula negaranya dari kehancuran perang dan oleh itu, Jepun bukanlah subjek penting dalam sistem pendidikan Malaysia pada ketika itu.

Seiring dengan kemajuan teknologi tinggi dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan yang mencatatkan kemajuan dalam industri elektrik dan elektronik, semi konduktor dan automotif, pelaburan Jepun ke Malaysia turut mencatatkan peningkatan yang amat memberangsangkan. Walaupun jumlah syarikat Jepun yang beroperasi di Malaysia meningkat secara beransur-ansur dari tahun 1959 hingga 1980, namun peningkatan yang luar biasa berlaku dari tahun 1981 dan tahun-tahun berikutnya (Md. Nasruddin Md. Akhir & Rohayati Paidi, 2009). Selepas Plaza Accord dipersetujui pada tahun 1985, jumlah pelaburan langsung asing (FDI) Jepun di Malaysia mencatatkan peningkatan tertinggi pada tahun 1987 dan hubungan ekonomi Malaysia – Jepun semakin diperkuuhkan. Sehingga Julai 2021, terdapat sebanyak 1,500 syarikat Jepun yang beroperasi di Malaysia dan dari jumlah tersebut,

600 adalah anggota Dewan Perdagangan dan Industri Jepun, Malaysia (JACTIM) (BERNAMA, 2020).

Selari dengan peningkatan kepentingan Jepun di Malaysia, permintaan tenaga kerja tempatan yang menguasai bahasa dan budaya Jepun dalam pelbagai bidang semakin diperlukan. Populariti Pengajian Jepun meningkat dengan ketara dan disertai dengan minat ke atas Jepun sebagai subjek penyelidikan dan penelitian. Sehubungan itu, permintaan kepada guna tenaga profesional menyebabkan semakin banyak universiti awam dan swasta ditubuhkan. Ia juga bertepatan dengan pelancaran dasar perindustrian Malaysia yang digubal pada awal tahun 1980-an. Pengaruh Jepun yang semakin kuat di Malaysia sejak awal tahun 1980-an selepas Dasar Pandang ke Timur diperkenalkan turut mempengaruhi universiti-universiti awam menawarkan kursus-kursus Pengajian Jepun sama ada sebagai jurusan pengkhususan, kursus minor atau elektif. Tanpa sokongan agensi luaran, universiti juga agak berhati-hati dalam memperkenalkan program akademik baharu kerana implikasi kewangan dan isu kelestarian program yang ditawarkan. Komitmen kerajaan Jepun serta institusi Jepun tidak kurang pentingnya dalam memantapkan Pengajian Jepun di Malaysia sejak diperkenalkan. Sebagai contoh, kerajaan Jepun telah menyumbang 50 juta Yen di bawah Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) untuk melengkapkan kemudahan dalam Program Pengajian Jepun (JSP), UM pada tahun 1994 dan 18,403 juta Yen di bawah pinjaman Yen untuk pembinaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada tahun 1992.<sup>5</sup>



Rajah 2.1: Pengajian Jepun di 20 Buah Universiti Awam di Malaysia

Sumber: Md. Nasrudin Md. Akhir (2019)

<sup>5</sup> "Ex-Post Evaluation of Japanese ODA Loan Project "Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Development Project", Ex-Post Project Evaluation 2011: Package I-2 (Malaysia, Thailand), Tokyo: JICA, August 2012, p. 2.